

Analisa Method Perawatan Dalam Standard Kemahiran Pekerja Kebangsaan (Skpk) Bidang Perawatan Ruqyah Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia

¹Muhammad Omar

muhammador@kuptm.edu.my

¹Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur

ABSTRACT

Bidang Perawatan Ruqyah adalah salah satu cabang daripada cabang-cabang Amalan Pengubatan Islam. Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan badan kerajaan yang mengawasi dan memantau aktiviti operasi badan pengamal amalan yang diiktiraf seperti amalan pengubatan Islam. Penguatkuasaan peraturan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) 2021 yang diwartakan pada 23 Februari 2021 melibatkan semua seksyen dan subseksyen Akta 775 yang kini memasuki fasa ke-dua sehingga 29 Februari 2024. Matlamat utama kerajaan ialah bagi memastikan semua pengamal PT&K mematuhi undang-undang, meningkatkan profesional dan menyediakan perkhidmatan berkualiti serta merekayasa maklumat terkini berkaitan PT&K yang terjamin dan selamat kepada pesakit. Amalan Pengubatan Islam melalui Perawatan Ruqyah mendapat nilai-tambah (add-value) bilamana buat pertama kalinya telah diluluskan sebagai Standard Kemahiran Pekerja Kebangsaan (SKPK)/National Occupational Skills Standard (NOSS) menerusi Mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan Bil.4/2017 pada tarikh 27 November 2017 sebagai dokumen rasmi kerajaan. Pendaftaran NOSS Bidang Perawatan Ruqyah bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK) meliputi tiga (3) tahap iaitu Tahap 5: Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM), Tahap 4: Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Tahap 3: Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Objektif kajian ialah mengemukakan model kaedah method dan memperkenalkan Standard Kemahiran Pekerja Kebangsaan (SKPK) bidang Perawatan Ruqyah kepada masyarakat umum sebagai method pelengkap komplementari kepada jenis rawatan alopatis moden. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kepustakaan melalui penelitian dokumen penting perawatan ruqyah NOSS JPK, rujukan pengamal perawatan ruqyah Darussyifa'. Hasil kajian menunjukkan semua (3) bahagian Kurikulum Unit Kompetensi (CoCU) yang terdiri daripada (1) Perawatan Penyakit Fizikal Berat (sebanyak 6 jenis penyakit dalam NOSS Q869-004-5:2017, (2) Perawatan Gangguan Makhluk Halus dalam NOSS Q869-004-4:2017 (sebanyak 6 Jenis Penyakit) dan (3) Lapan (8) jenis Perawatan Lazim dalam NOSS Q869-004-3:2017 Tahap 3 menerimapakai Method kaedah perawatan Ruqyah (R), Tiup (T), Tepuk (T), Minum (M) dan Mandi (M): akronim RTTMM

Keywords: Perawatan Ruqyah, Model, Method, Standard Kemahiran Pekerja Kebangsaan

How to Cite:

Omar, M. (2022). Analisis kaedah perawatan dalam Standard Kemahiran Pekerja Kebangsaan (SKPK) bidang perawatan ruqyah Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia. *Jurnal Evolusi*, 3(1). <https://doi.org/10.61688/jev.v3i1.34>

Copyright: © 2022 The Author(s)

Published by Kolej Universiti Poly-Tech MARA.

This article is published under the Creative Commons Attribution (CC BY 4.0) license.

<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>

PENGENALAN

Bidang Perawatan Ruqyah adalah salah satu cabang daripada cabang-cabang Amalan Pengubatan Islam. Amalan Pengubatan Islam tersebut kemudiannya didefinisikan sebagai satu ikhtiar penyembuhan penyakit jasmani dan rohani oleh seorang Islam yang mahir dalam kaedah rawatan dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran atau Hadis, atau amalan salaf al-soleh, dan ulama muktabar atau kesemuanya sekali seta menggunakan kaedah-kaedah atau bahan-bahan yang dibenarkan oleh syarak. Amalan Pengubatan Islam telah diterima dalam senarai enam (6) bidang amalan diiktiraf Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan jenis modaliti bersama-sama dengan lain-lain bidang amalan seperti Perubatan Tradisional Melayu, Perubatan Tradisional Cina, Perubatan Tradisional India, Perubatan Homeopati dan Perubatan Komplementari; yang terdiri daripada Amalan Berasaskan Manupulatif, Perubatan Tenaga Terapi Minda/Jasad/Rohani, Amalan Berasaskan Biologi seperti dalam Jadual 1: Bidang Amalan Di Iktiraf KKM dan Jenis Modaliti.

ENAM (6) BIDANG AMALAN DI IKTIKRAF KKM DAN JENIS MODALITI

BIDANG AMALAN	JENIS MODALITI
1. Perubatan Tradisional Melayu	Herba Melayu/Urut Melayu/ Bekam/ Penjagaan Ibu Selepas Bersalin
2. Perubatan Tradisional Cina	Akupunktur & Moxa/Herba Cina/Tuina/Qigong
3. Perubatan Tradisional India	Ayurveda/Siddha/Unani/Yoga/Naturopati
4. Perubatan Homeopati	Homeopati
5. Perubatan Komplementari: 1. Amalan Berasaskan Manupulatif 2. Perubatan Tenaga 3. Terapi Minda/Jasad/Rohani 4. Amalan Berasaskan Biologi	1. Kiropraktik/Osteopati/Refleksologi/Urut Thai/Urut Swedish/ Urut Bali dan Java/Urut Shiatsu/Aromaterapi
	2. Terapi Getaran Warna/Perawatan Kristal/Reiki/Aurametafizik / Roaha/Beach Flower/Fitobiofizik
	3. Hipnoterapi/Psikoterapi
	4. Terapi Nutrisi
6. Amalan Pengubatan Islam	Pengubatan Islam

Sumber: Portal Rasmi My Health, KKM: <http://tcm.moh.gov.my>

Jadual 1: Bidang Amalan Di Iktiraf KKM dan Jenis Modaliti.

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan badan kerajaan yang mengawasi dan memantau aktiviti operasi badan pengamal amalan yang diiktiraf seperti amalan pengubatan islam ini. (Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan, 2007). Penguatkuasaan peraturan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) 2021 yang diwartakan pada 23 Februari 2021 melibatkan semua seksyen dan subseksyen. Penguatkuasaan peraturan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) 2021 yang diwartakan pada 23 Februari 2021 melibatkan semua seksyen dan subseksyen Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775] yang kini memasuki fasa ke-dua sehingga 29 Februari 2024. Semua Pengamal di bawah enam (6) bidang amalan diiktiraf wajib hadir mengikuti taklimat Akta 775 ini dan diberikan sijil

kehadiran seperti Lampiran 1: Sijil kehadiran taklimat Akta 775 PT&K. Matlamat utama kerajaan ialah bagi memastikan semua pengamal PT&K mematuhi undang-undang, meningkatkan professional dan menyediakan perkhidmatan berkualiti serta merekayasa maklumat terkini berkaitan PT&K yang terjamin dan selamat kepada pesakit. Akta 775 mengkehendaki semua pengamal perlu mematuhi keperluan pendaftaran dengan BPTK bagi mengelakkan dikenakan denda bagi pengamal yang tidak mematuhi Akta 775 ini. Amalan Pengubatan Islam melalui Perawatan Ruqyah mendapat nilai tambah (add-value) bilamana buat pertama kalinya telah diluluskan sebagai Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) / *National Occupational Skills Standard (NOSS)* menerusi Mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan Bil.4/2017 pada tarikh 27 November 2017 yang dipengerusikan oleh Ketua Setia Usaha Kementerian Sumber Manusia sebagai dokumen rasmi kerajaan. Pendaftaran NOSS Bidang Perawatan Ruqyah bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK) meliputi tiga (3) tahap iaitu Tahap 5: Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM), Tahap 4: Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Tahap 3: Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Dengan adanya Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) bidang Perawatan Ruqyah ini seiring dengan penguatkuasaan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775] pada masa kini. Dengan demikian SKPK Bidang Perawatan Ruqyah dijangka banyak membantu agensi penguatkuasaan seperti BPTK KKM dan Pejabat Agama diseluruh negeri dalam mengangkat martabat dan professional bidang perawatan ruqyah.

PERNYATAAN MASALAH

Bidang Amalan Perubatan, Pengubatan dalam Islam mencakupi seluruh ilmu pengetahuan yang menjadi keperluan untuk semua bidang ilmu. Perkara paling utama yang dipercayai oleh seluruh umat Islam, sekiranya Banginda Nabi Muhammad SAW masih hidup semua pernyataan masalah dapat dirungkai mudah kerana Banginda Nabi SAW adalah kekasih Allah (*Habibullah*) termasuk dapat menyelesaikan masalah penyakit manusia seluruhnya samada penyakit rohani mahupun penyakit jasmani. Justeru kaedah method perubatan dan pengubatan kenabian amat penting dikaji bagi manafaat sejagat supaya kaedah method menepati dan selaras dengan syariat Islam yang betul benar. Kaedah perubatan dalam Islam mempunyai pengertian dan pendekatan yang berbeza berbanding perubatan lain sebagai memenuhi tuntutan yang mementingkan keseimbangan terhadap penjagaan rohani dan jasmani. Realiti kehidupan manusia masa kini merentasi semua masyarakat di seluruh dunia menghadapi pelbagai masalah rumit seperti wabak COVID19, meningkatnya peratusan jenayah yang melibatkan diri, keluarga mahupun masyarakat. Lebih parah lagi bila umat Islam berdepan dengan masalah pergeseran akidah yang menjerumus kepada syirik. Antara isu penyelewangan akidah yang berlaku ialah seperti Liberalisasi Agama & Budaya, Pluralisme Agama, LGBT (Lesbian, Gay, Bisexual, and Transgender), Kahwin Songsang, Hak Asasi dan Kebebasan melampau, Murtad, Budaya Kuning (Hiburan Liar, Pergaulan Bebas), Ajaran Sesat (Syiah, Ayah Pin), COMANGO (*Coalition of 40 Malaysian NGOs in the Universal Periodic Review Process in Geneva*)-Memperjuangkan LGBT an lain lain. Kutipan data pesakit yang mendapatkan rawatan di Darussyifa' (Jadual 1) menunjukkan terdapat peningkatan pesakit mendapatkan rawatan. Situasi begini menggambarkan bahawa terdapat kelemahan ilmu psikologi moden Barat untuk mengatasi permasalahan ini.

Jadual 1: Jumlah Perawat Dan Unjuran Jumlah Pesakit Darussyifa' (2015)

JUMLAH PERAWAT DAN UNJURAN JUMLAH PESAKIT DARUSSYIFA', 2015
--

Bil	Negeri	Jumlah Pusat Rawatan	Jumlah Perawat	Unjuran Pesakit Setahun	Jumlah
1	Selangor	13	265	101,280	
2	Perak	13	145	15,498	
3	Kelantan	7	115	14,496	
4	Pahang	7	29	14,256	
5	Kedah	7	94	11,040	
6	Trengganu	8	83	10,752	
7	Sabah	4	45	10,560	
8	Johor	6	19	10,560	
9	Negeri Sembilan	4	50	10,128	
10	Melaka	5	66	9,936	
11	Pulau Pinang	4	77	8,304	
12	Sarawak	3	22	4,608	
13	Perlis	2	53	2,880	
14	Wilayah Persekutuan: Kuala Lumpur Labuan Putrajaya	1 1 1	11 13 24	1,920 480 480	
Jumlah *Data Tahun 2015		86	1,111	227,178	
Jumlah ** Data Pesakit Tahun 2016		90	1,300	250,000	

Sumber: Kajian Lajnah Penyelidikan Darussyifa' (2016) Dato'Abdul Rashid Mohd Amin. "Salient Points about Darussyifa'"

Hal ini sangat berkait rapat dengan metode terapi kejiwaan yang tidak dilakukan secara berkesan kerana mengabaikan metode al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW sebagai metode yang paling sesuai dengan fitrah manusia dan dilakukan tanpa diskriminasi terhadap kepercayaan yang dianut. Justeru aspek yang menarik untuk dikaji ialah model kaedah method melalui pendekatan terapi perawatan ruqyah dalam

usaha menangani pelbagai penyakit yang sangat dipengaruhi oleh fenomena persekitaran dan adat kebiasaan manusia yang salah.

Bidang perubatan hari ini banyak dibantu oleh kecanggihan sains dan teknologi lebih tertumpu kepada usaha rawatan dan terapi fizikal atau jasmani. Namun nilai dalaman manusia yang mampu menjadi penjana utama kepada rawatan dan terapi yang lebih berkesan kurang mendapat tumpuan. Penghasilan ubat-ubatan berperanan meredakan kesakitan atau penyakit namun tidak dalam bentuk penyembuhan yang terarah kepada rawatan dan terapi pesakit.

Hakikatnya, nilai kekuatan dalaman yang ada dalam diri manusia mungkin mampu menjadi perawat dan terapi ke arah penyembuhan yang lebih berkesan tidak diberi perhatian. Justeru persoalan kajian ini difokuskan kepada: Apakah model kaedah method atau konsep sebenar perawatan ruqyah yang dapat diikhtiarkan dalam usaha mencari penyembuhan (shifā) seperti disarankan dalam al-Quran menurut perspektif Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)/NOSS Bidang Perawatan Ruqyah di Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK) dan bagaimana menjadikannya sebagai kaedah method terapi penyembuhan penyakit?

OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini ialah:

- 1) Menenal dan mengetahui profil Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)/NOSS Bidang Perawatan Ruqyah di Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK).
- 2) Menilai method kaedah dan prinsip umum terapi dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)/NOSS Bidang Perawatan Ruqyah di Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK).
- 3) Mengemukakan model kaedah method terapi Perawatan Ruqyah dalam perspektif Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)/NOSS Bidang Perawatan Ruqyah di Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK).

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan-persoalan dalam kajian ini ialah:

- 1) Apakah itu Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)/NOSS Bidang Perawatan Ruqyah di Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK)?
- 2) Apakah metode kaedah dan prinsip umum terapi dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)/NOSS Bidang Perawatan Ruqyah di Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK)?
- 3) Bagaimanakah bentuk kaedah method terapi Perawatan Ruqyah dalam perspektif Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)/NOSS Bidang Perawatan Ruqyah di Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK)?

SKOP PERBINCANGAN

Skop perbincangan analisis khusus hanya tertumpu kepada tiga (3) bahagian Kurikulum Unit Kompetensi (CoCU) yang telah dipilih mengikut kesesuaian penulis bagi tujuan perkongsian seperti berikut:

- Perawatan Penyakit Fizikal Berat NOSS (Q869-004-5:2017) Tahap 5
- Perawatan Gangguan Makhluk Halus NOSS (Q869-004-4:2017) Tahap 4
- Perawatan Penyakit Fizikal Lazim NOSS (Q869-004-3:2017) Tahap 3.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini dibataskan kepada beberapa perkara berikut:

Memperkenalkan Hanya satu Unit Kompetensi (CoCU) yang mewakili setiap peringkat NOSS JPK iaitu

- Perawatan Penyakit Fizikal Berat NOSS (Q869-004-5:2017) mewakili CoCu Tahap 5
- Perawatan Gangguan Makhluk Halus NOSS (Q869-004-4:2017) mewakili CoCu Tahap 4
- Perawatan Penyakit Fizikal Lazim NOSS (Q869-004-3:2017) mewakili CoCu Tahap 3.

Penelitian terhadap pelaksanaan kaedah method terapi perawatan ruqyah dalam standard NOSS JPK yang kemudiannya mengemukakan model kaedah terapi perawatan ruqyah berdasarkan perspektif mengikut Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)/NOSS Bidang Perawatan Ruqyah di Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK).

Sumbangan Signifikan

Kajian ini adalah signifikan kepada perkembangan ilmu dari aspek berikut:

- Mengemukakan model kaedah method perawatan ruqyah dan prinsip-prinsip dan garis panduan umum bidang perubatan Islam bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.
- Mendedahkan kepada umum berkenaan pelaksanaan kaedah method perawatan ruqyah yang sudah diterimapakai oleh pengamal pengubatan Islam mengikut dan mematuhi mengikut Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)/NOSS Bidang Perawatan Ruqyah di Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK).
- Memberi kefahaman kepada masyarakat bahawa terdapat kaedah terapi yang menjadi pelengkap atau **komplementari** kepada perubatan moden dan perubatan moden bukanlah satu-satunya kaedah method yang manusia perlu bergantung sepenuhnya kepada kaedah tersebut. Kerana masih ramai pesakit sentiasa mendapatkan khidmat perawatan ruqyah di pusat perubatan Islam.

Metodologi Kajian

Bagi mencapai matlamat yang dinyatakan maka kajian ini menggunakan metodologi Kajian kepustakaan. Kajian dibuat berdasarkan bahan-bahan penulisan tajuk 'Pengubatan Islam Darussyifa' sebagai sumber primer, manakala buku-buku, jurnal, kertas kerja, majalah, petikan dan rencana akhbar serta bahan-bahan bertulis yang berkaitan dengan tajuk kajian dijadikan sebagai sumber skunder. Dapatan-dapatan yang diperolehi dianalisis dan dinilai secara kritis selaras dengan tajuk kajian.

Latar belakang Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Bidang Perawatan Ruqyah

Amalan pengubatan Islam sememangnya sudah tidak asing lagi dan telah mula diamalkan di kalangan penduduk beragama Islam di Malaysia seiringan pada masa agama Islam mula bertapak kukuh. Kefahaman penuh terhadap ajaran agama Islam yang didasari dengan rukun iman dan rukun Islam adalah tunjang kepada keyakinan kental masyarakat Malaysia sehingga kini. Rukun Iman yang enam (6) iaitu beriman kepada Allah SWT, beriman kepada para Malaikat, beriman kepada Kitab, beriman kepada Rasul, beriman kepada hari Akhirat dan beriman kepada Qada' dan Qadar adalah manifestasi beriman kepada elemen spiritual perkara ghaib yang tidak dapat dilihat menggunakan matakasar fizikal biasa tetapi boleh dikesan menggunakan mata hati dan sering dikaitkan dengan kerja hati yang bukan senang untuk diukur dalam konteks *evidence-based*. Manakala rukun Islam yang lima (5) yang terdiri daripada Mengucap Dua Kalimah Syahadah, Mendirikan Solat 5 Waktu Sehari Semalam, Menunaikan Zakat,

Puasa Pada Bulan Ramadhan dan Mengerjakan Haji Ke Baitullah adalah manifestasi amalan fizikal yang boleh dilihat secara fizikal sebagai lambang syariat beragama. Kefahaman agama yang jitu dan keyakinan kental kepada ajaran agama Islam ini lah menjadikan tokoh-tokoh agama Islam yang masyhur seperti dalam kisah Imam Hassan al-Basri dan seorang ahli agama majusi yang menyembah api telah ditanya siapakan yang boleh menyelamatkan tangan kamu daripada terbakar oleh api. Maka Imam alBasri telah meminta sama-sama tangan saya dan tangan kamu masukkan dalam api. Kamu mohonlah kepada tuhan kamu supaya tangan kamu tidak terbakar tangan aku yang terbakar. Pada masa yang sama aku mohon kepada tuhan aku agar tangan aku tak terbakar dan tangan kamu terbakar. Atas keyakinan dan amalan spiritual roh yang kuat maka tangan Imam Hasan al-Basri tidak terbakar dan tangan ahli majusi terbakar. Ayat yang dibacakan oleh Imam Al Hassan Basri ialah ayat 69 Surah Al-Anbiyaa. Tokoh agamawan lain di Malaysia seperti Tok Kenali atau nama sebenarnya Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad bin Abdul Samad, Muallim Abdul Wahid Sungai Udang atau nama sebenar beliau ialah Abdul Wahid bin Othman bin Ningkal, Tuan Guru Dato' Dr. Haron bin Din, Pengasas Darussyifa' Bangi dan Dato' Ismail Kamus, Pengasas Darussalam Gombak adalah contoh agamawan, ulamak dan tuan guru yang diberikan kelebihan oleh Allah SWT mampu merawat pesakit menggunakan kaedah perawatan ruqyah.

Pengamal pengubatan Islam diwajibkan berdaftar dengan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Akta 775. Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016 [Akta 775] merupakan suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis PT&K bagi mengawal selia perkhidmatan PT&K di Malaysia dan bagi mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau yang lebih dikenali sebagai *National Occupational Skills Standard (NOSS)* dalam bidang Perawatan Ruqyah buat pertama kalinya digunapakai sebagai rujukan awam pada 25 Oktober 2018 iaitu calon yang pertama memohon bagi mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia Bidang Perawatan Ruqyah daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK). JPK telah mengadakan bengkel Pembangunan NOSS bidan Perawatan Ruqyah Fasa pertama pada tarikh 12-16 Ogos 2017 bersama 14 orang Panel Industri. Terdahulu daripada itu, perbincangan bersama wakil industry bidang perawatan ruqyah dan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari atau *Traditional Complementary Medicine (TCM)*, Kementerian Kesihatan Malaysia turut diadakan pada tarikh 8 Jun 2017 di Pejabat BPTK, KKM di Jalan Cendrasari Kuala Lumpur bagi tujuan mendapatkan izin tiada halangan bagi meneruskan pembangunan NOSS Bidang Perawatan Ruqyah bersama JPK KSM ini. Tidak lama selepas itu, Mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan Bil.4/2017 pada tarikh 27 November 2017 yang dipengerusikan oleh KSU KSM telah meluluskan Pendaftaran Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Bidang Perawatan Ruqyah bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) sebagai dokumen rasmi kerajaan. Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) dalam bidang Perawatan Ruqyah yang diluluskan adalah seperti berikut:

- NOSS Perawatan Ruqyah (Q869-004-05:2017) 005857 Tahap 5 bersamaan Diploma Kemahiran Malaysia (DLKM)
- NOSS Perawatan Ruqyah (Q869-004-4:2017) D069018 Tahap 4 bersamaan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)
- NOSS Perawatan Ruqyah (Q869-004-3:2017) B072117 Tahap 3 bersamaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3

Jenis Penyakit Dalam NOSS Bidang Perawatan Ruqyah

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau *National Occupational Skills Standard* (NOSS) bidang Perawatan Ruqyah telah dibina oleh JPK bersama 14 orang panel industri dalam bidang Perawatan Ruqyah. Beberapa siri bengkel telah diadakan oleh JPK Bersama semua panel industry telah dapat menyenaraikan 104 jenis penyakit seperti dalam Jadual 2: Bilangan Jenis Penyakit dalam Tiga (3) Tahap Kemahiran Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK).

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Bidang Perawatan Ruqyah

Jumlah keseluruhan jenis penyakit berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau *National Occupational Skills Standard* (NOSS) bidang Perawatan Ruqyah ialah sebanyak 104 jenis penyakit. Pecahan jenis penyakit yang disenaraikan dalam NOSS Bidang Perawatan Ruqyah ialah seperti berikut:

<i>National Occupational Skills Standard (NOSS) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)</i> <i>Bidang Perawatan Ruqyah</i>	
Tahap Kemahiran	Kod Bidang
TAHAP 5: Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) <i>Malaysia Skills Advance Diploma</i>	(Q869-004-05:2017)005857 31 Jenis Penyakit
TAHAP 4: Diploma Kemahiran Malaysia <i>Malaysia Skills Diploma</i>	(Q869-004-4:2017) D069018 36 Jenis Penyakit
TAHAP 3: Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) <i>Malaysia Skills Certificate</i>	(Q869-004-3:2017) B072117 37 Jenis Penyakit
Jumlah Jenis Penyakit	104 Jenis Penyakit

Sumber: NOSS Bidang Perawatan Ruqyah JPK.

Jadual 2: Bilangan Jenis Penyakit dalam Tiga (3) Tahap Kemahiran Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau *National Occupational Skills Standard* (NOSS) bidang Perawatan Ruqyah Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia.

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Bidang Perawatan Ruqyah Tahap 5

Sebanyak 31 jenis penyakit disenaraikan dalam kod bidang NOSS Q869-004-05:2017) yang terdiri daripada enam (6) teras carta profil kompetensi iaitu Perawatan Penyakit Fizikal Berat, Perawatan Penyakit Emosi Berat, Perawatan Penyakit Akibat Sihir Dan Makhluk Halus, Khidmat Nasihat Ruqyah & Kaunseling Islam, Ketua Majlis Ruqyah & Zikir dan Perundingan Kes Rujukan seperti dalam Rajah 1: Carta Profil Kompetensi (CPC) di bawah. Skop analisa kajian kaedah method perawatan ruqyah

adalah khusus kepada teras carta profil kompetensi iaitu Perawatan Penyakit Fizikal Berat. Rujukan **Lampiran 1**.

Analisa kaedah method perawatan ruqyah bagi Perawatan Penyakit Fizikal Berat yang terdiri daripada enam (6) jenis penyakit dan rawatan iaitu Ruqyah Kes Ulangan, Ruqyah Kes Kecemasan, Ruqyah Masalah Zuriat, Ruqyah Penyakit Strok, Ruqyah Pesakit Koma dan Ruqyah Kes Berprofil Tinggi mendapati kesemua iaitu 100% menggunakan kaedah bacaan ruqyah, tiup, tepuk, minum dan mandi atau **RTTMM**. Sila rujuk Teras Kod Bidang NOSS (Q869-004-04:2017) Bidang Perawatan Ruqyah Tahap 5 dalam Gambarajah 1 di bawah.

SEKSYEN	(Q) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Dan Kerja Sosial		
KUMPULAN	(869) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Lain		
BIDANG	Perawatan Perunding Ruqyah		
TAJUK SKPK	Perawatan Ruqyah		
TAHAP SKPK	5	KOD SKPK	Q869-XXX-5:2017



Sumber: NOSS Bidang Perawatan Ruqyah JPK.

Gambarajah 1: Teras Kod Bidang NOSS (Q869-004-04:2017) Bidang Perawatan Ruqyah Tahap 5

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Bidang Perawatan Ruqyah Tahap 4

Sebanyak 36 jenis penyakit disenaraikan dalam kod bidang NOSS Q869-004-04:2017) yang terdiri daripada enam (6) teras carta profil kompetensi iaitu (1) Perawatan Penyakit Fizikal Tahap Sederhana, (2) Perawatan Infra Fizikal, (3) Perawatan Penyakit Sihir, (4) Perawatan Penyakit Emosi Sederhana, (5) Perawatan Masalah Rumit dan (6) Perawatan Gangguan Makhluk Halus seperti dalam Rajah 2: Carta Profil Kompetensi (CPC) di bawah. Skop analisa kajian kaedah method perawatan ruqyah adalah khusus kepada teras carta profil kompetensi iaitu Perawatan Gangguan Makhluk Halus. Rujukan **Lampiran 2**.

Analisa kaedah method perawatan ruqyah bagi Perawatan Gangguan Makhluk Halus yang terdiri daripada enam (6) jenis perawatan iaitu Ruqyah Penyakit Badi, Ruqyah Penyakit Histeria, Ruqyah Penyakit Kenan, Ruqyah Gangguan Saka, Ruqyah Gangguan Toyol dan Ruqyah Gangguan Jin Secara Fizikal mendapati kesemua enam jenis perawatan tersebut iaitu 100% menggunakan kaedah bacaan ruqyah, tiup, tepuk, minum dan mandi atau RTTMM. Teras Kod Bidang NOSS (Q869-004-04:2017) Bidang Perawatan Ruqyah Tahap 4 dalam Gambarajah 2 di bawah.

SEKSYEN	(Q) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Dan Kerja Sosial		
KUMPULAN	(869) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Lain		
BIDANG	Perawatan Ruqyah		
TAJUK SKPK	Perawatan Ruqyah		
TAHAP SKPK	4	KOD SKPK	Q869-004-4:2017



Sumber: NOSS Bidang Perawatan Ruqyah JPK.


Gambarajah 2: Teras Kod Bidang NOSS (Q869-004-04:2017) Bidang Perawatan Ruqyah Tahap 4

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Bidang Perawatan Ruqyah Tahap 3

Sebanyak 37 jenis penyakit disenaraikan dalam kod bidang NOSS Q869-004-03:2017) yang terdiri daripada enam (6) teras carta profil kompetensi iaitu (1) Perawatan Penyakit Fizikal Lazim, (2) Perawatan Penyakit Fizikal Dan Spiritual Individu Di Luar, (3) Perawatan Sihir Lazim, (4) Perawatan Penyakit Emosi Biasa, (5) Perawatan Masalah Sederhana Rumit dan (6) Bantuan Ruqyah Khidmat Masyarakat seperti dalam Rajah 3: Carta Profil Kompetensi (CPC) di bawah. Skop analisa kajian kaedah method perawatan ruqyah adalah khusus kepada teras carta profil kompetensi iaitu Perawatan Penyakit Fizikal Lazim. Rujukan **Lampiran 3**.

Analisa kaedah method perawatan ruqyah bagi Perawatan Penyakit Fizikal Lazim terdiri daripada lapan (8) jenis perawatan iaitu (1) Ruqyah Penyakit Batu Karang, (2) Ruqyah Penyakit Kencing Manis, (3) Ruqyah Penyakit Darah Tinggi, (4) Ruqyah Penyakit Sakit Kepala, (5) Ruqyah Penyakit Sendi, (6) Ruqyah Penyakit Sakit Perut, (7) Ruqyah Penyakit Demam Panas dan (8) Ruqyah Penyakit Mata. Pemerhatian ke atas kaedah method perawatan mendapati kesemua lapan (8) jenis perawatan tersebut iaitu 100% menggunakan kaedah bacaan ruqyah, tiup, tepuk, minum dan mandi atau RTTMM. Sila rujuk Teras Kod Bidang NOSS (Q869-004-03:2017) Bidang Perawatan Ruqyah Tahap 3 dalam Gambarajah 3 di bawah.

SEKSYEN	(Q) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Dan Kerja Sosial		
KUMPULAN	(869) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Lain		
BIDANG	Perawatan Ruqyah		
TAJUK SKPK	Perawatan Ruqyah		
TAHAP SKPK	3	KOD SKPK	Q869-004-3:2017



Sumber: NOSS Bidang Perawatan Ruqyah JPK.

Gambarajah 3: Teras Kod Bidang NOSS (Q869-004-03:2017) Bidang Perawatan Ruqyah Tahap 3

Status Keaktifan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Bidang Perawatan Ruqyah Tempoh Covid-19

Bilamana kerajaan Malaysia semasa PM Muhyiddin Yassin mengistiharkan perintah kawalan pergerakan (PKP1.0) bermula 18 Mac 2020, (PKP2.0) pada 14 Januari 2021 dan PKP3.0 dan PKP3.0 pada 11 Mei 2021 di seluruh negara akibat COVID-19. Maka semua aktiviti termasuk permohonan calon

bagi mendapatkan pensijilan SKM Tahap 3 Perawatan Ruqyah jugak mengalami impak tiada calon memohon. Pengalaman penulis selepas PKP3.0 terdapat lima orang calon yang telah memohon mendapatkan pensijilan SKM 3 Bidang Perawatan Ruqyah daripada JPK yang telah dilaksanakan secara online.

Faktor Motivasi Menerima Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Bidang Perawatan Ruqyah di Kalangan Pengamal Perubatan

Secara keseluruhannya, bidang perawatan ruqyah dan amalan Pengubatan Islam secara automatik telah diselia dan di bawah pemantauan yang tertakluk dalam bidang kuasa undang-undang sedia ada di Malaysia seperti berikut:

- Akta 652: Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (2006) Sijil Kemahiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia;
- Akta 775: Akta Perubatan Tradisional & Komplementari (2016);
- Agensi Regulatori Farmasi Negara: Penggunaan herba;
- Akta 737: Akta Peranti Perubatan (2012);
- Pihak Berkuasa Tempatan: Undang-Undang berkaitan dgn kelulusan premis dan operasi premis;
- Akta 514: Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (1994);
- Akta 574: Penal Code/Kanun Keseksaan Malaysia; dan
- Undang-Undang Tort. Sebuah undang-undang sivil yang memberi penekanan kepada tuntutan ganti rugi/pengagihan kerugian. Tidak terhad kepada manusia tetapi turut melibatkan binatang, premis, harta benda, perubatan dan sebagainya. Contoh adalah tort kecuai, tort tanggungan, tort berniat, tort fitnah.

Isu Semasa Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Bidang Perawatan Ruqyah

Antara maklumat yang boleh diketengahkan sebagai isu utama yang penulis dapat kumpulkan melalui temubual dan pengalaman semasa menjalankan penugasan PP-PPT dan PPL-PPT bidang Perawatan Ruqyah yang dimaklumkan oleh calon-calon SKM Tahap 3 Bidang Perawatan ruqyah ialah seperti berikut:

- Sijil SKM 3 Bidang Perawatan Ruqyah lambat diperolehi.
- Kekurangan personel bagi menjalankan penugasan sebagai PP-PPT dan PPL-PPT Bidang Perawatan Ruqyah.
- Personel PP-PPT dan PPL-PPT yang menjalankan penugasan bukan dalam bidang Perawatan Ruqyah.

Pengertian Ruqyah

Perkataan Ruqyah mengikut Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Bidang Perawatan Ruqyah JPK ialah Doa yang berasaskan ayat-ayat al-Quran dan hadis, yang bertepatan dengan syarak bagi tujuan pengubatan dan kesejahteraan atau kebaikan. Sementara itu, jika dilihat dalam Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam (2011), Ruqyah didefinisikan sebagai doa yang berasaskan ayat-ayat al-Quran dan hadis, yang bertepatan dengan syarak bagi tujuan pengubatan dan kesejahteraan atau kebaikan. Doa adalah permintaan manusia menggunakan bahasa manusia, Nada' juga permintaan manusia menggunakan suara hati tetapi Ruqyah adalah permintaan doa hamba manusia menggunakan bahasa Allah.(petikan catatan nota pengajian Tuan Guru Dato' Dr. Haron Bin Din).

Ruqyah

Ruqyah adalah suara hati bagi memohon permintaan atau menzahirkan bacaan berdasarkan menggunakan Bahasa Allah iaitu membacakan doa-doa yang telah diajarkan oleh Nabi atau Al-hadis dan Al-Quran bagi tujuan dan niat memohon perlindungan daripada Allah untuk melindungi orang yang terkena penyakit serta melindungi diri daripada tipu daya syaitan. Al-Hadis juga dirujuk sebagai Bahasa Allah kerana Nabi tidak berkata melainkan apa yang diwahyu kepada baginda bertepatan ayat Al-Quran (An-Najm 53:3-4).

Ruqyah boleh dikategorikan juga sebagai ucapan zikir. Allah merakamkan perintah memperbanyakkan zikrullah di dalam firman-NYA yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, ingatlah serta sebutlah nama ALLAH dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya.” (Surah al-Ahzab, 33 ayat 41).

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾

Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya;

(Al-Ahzaab 33:41) |

Daripada ayat tersebut, dapat difahami bahawa zikir boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu berzikir dengan sebutan (zikir lisan) dan juga berzikir dengan ingatan (zikir hati). (An-Najm 53:3)

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ﴿٣﴾


Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. (An-Najm 53:3)

إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ﴿٤﴾

Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya. (An-Najm 53:4) |

Justeru Perkataan ruqyah bukanlah perkataan atau bacaan biasa-biasa. Ianya hampir 100% adalah bacaan doa yang dipelajari dan diperolehi daripada guru-guru yang mempunyai autoriti sah yang mempunyai tali-temali (sanad) daripada guru-guru yang muktabar. Dalam pada itu perlulah diberikan perhatian bahawa nabi SAW bukanlah seorang perawat. Nabi Muhammad SAW adalah seorang Rasul yang lebih superior di kalangan Rasul dan terdapat 14 Senario episode yang berbeza tentang hal yang berkaitan Pengubatan penyakit manusia. Antara senario tersebut ialah:

- Nabi SAW membaca ruqyah kepada pesakit
- Nabi SAW memberikan panduan menggunakan bahan rawatan
- Nabi SAW meminta pesakit pergi mencari perawat
- Nabi SAW memberi tahu pesakit supaya bersabar dengan penyakit
- Qada' dan Qadar boleh diubah melalui doa. Justeru berdoa kepada Allah
- Nabi SAW menyuruh pesakit pergi mendapatkan doa daripada perawat pakar tertentu



(Maka Kami kabulkan permohonannya serta Kami perintahkan kepadanya): " Hentakkanlah (bumi) dengan kakimu " (setelah ia melakukannya maka terpancarlah air, lalu Kami berfirman kepadanya): " Ini ialah air sejuk untuk mandi dan untuk minum (bagi menyembuhkan penyakitmu zahir dan batin) ".(Saad 38:42) |

ii. Tiup (hembusan nafas)

Teknik Tiup ialah tiup pada air sebaik selesai membaca Ruqyah yang tertentu dan juga meniupkan nafas yang sedikit bercampur dengan air liur perawat. Mengikut Imam Nawawi menjelaskan bahawa Banginda SAW akan meniup air liur Banginda SAW dan kemudian menyentuhkannya ke tanah bumi Madinah dan Banginda SAW akan membacakan doa ini sambil meletakkan jari Baginda SAW pada tempat yang sakit. Doa tersebut seperti berikut

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: "أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ لِلْمَرِيضِ: "بِسْمِ اللَّهِ تُرِيئُهُ أَرْضُنَا بِرِيقَةٍ بَعْضُنَا يُشْفَى سَقِيمُنَا بِإِذْنِ رَبِّنَا".

Maksudnya: Sayyidatina Aisyah meriwayatkan bahawa Nabi SAW kerap kali membacakan do aini kepada pesakit. "Dengan nama Allah, tanah bumi kami bercampur air liur kami menyembuhkan orang yang sakit dalam kalangan kami" (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari Kitab al-Tib, no.hadis 5745).

Sumber: Farhah Zaidar Mohamed Ramli(2019).Amalan Perubatan Islam Ruqyah:Kajian Kes Dato'Ismael Kamus.

iii. Tepuk

Teknik tepuk diambil berdasarkan satu episode Nabi SAW Ketika merawat seorang anak lelaki kepada seorang perempuan.Nabi memintak bagi belakang anak lelaki tersebut dan nabi SAW menepuk anak tersebut yang dikatakan sakit (lamam atau gila) sebaik nabi menepuk belakang anak lelaki tersebut batuk dan terbahak dan sesuatu berbentuk ketulan berwarna hitam semacam darah beku terkeluar daripada mulut dan objek itu bergolek atas tanah dan berubah bentuk menjadi anak anjing hitam (Jarwan) dan melarikan diri dan hilang daripada penglihatan baginda Nabi SAW yang mulia. Selang masa beberapa Ketika pemuda tersebut tersedar dan bertanyakan kepada Nabi SAW apa yang sudah berlaku. Pemuda tersebut terus sihat.


Dalam episode yang lain mengenai meletakkan tangan pada pesakit mengambil contoh tauladan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dalam sebuah hadis yang berikut.

عن عثمان بن أبي العاص الثقفي أنه شكا إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم وجعا يجده في جسده منذ أسلم فقال له رسول الله صلى الله عليه وسلم ضع يدك على الذي تألم من جسدك وقل باسم الله ثلاثا وقل سبع مرات أعوذ بالله وقدرته من شر ما أجد وأحاذر.

Daripada Uthman bin al-Ass al-Thaqafi, bahawa adalah dia mengadu kepada Rasulullah SAW tentang penyakit yang dihadapi pada tubuhnya sejak dia masuk islam lagi. Maka sabda Nabi SAW kepadanya "Letakkan tangan kamu pada bahagian tubuhmu yang sakit, lalu bacalah Bismillah tiga kali dan baca pula tujuh kali doa berikut seperti di atas.

iv. Minum


Teknik minum dan mandi adalah berdasarkan dalil daripada AlQuran (Saad 38:ayat 42) yang berikut:



(Maka Kami kabulkan permohonannya serta Kami perintahkan kepadanya): " Hentakkanlah (bumi) dengan kakimu " (setelah ia melakukannya maka terpancarlah air, lalu Kami berfirman kepadanya): " Ini ialah air sejuk untuk mandi dan untuk minum (bagi menyembuhkan penyakitmu zahir dan batin) ".(Saad 38:42) |

v. Mandi

Teknik mandi adalah berdasarkan dalil daripada AlQuran (Saad 38:ayat 42) yang berikut:




(Maka Kami kabulkan permohonannya serta Kami perintahkan kepadanya): " Hentakkanlah (bumi) dengan kakimu " (setelah ia melakukannya maka terpancarlah air, lalu Kami berfirman kepadanya): " Ini ialah air sejuk untuk mandi dan untuk minum (bagi menyembuhkan penyakitmu zahir dan batin) ". (Saad 38:42) |

10. Kerangka Konsep model kaedah Perawatan Ruqyah(*The Conceptual Framework*)

Rajah 1 di bawah menerangkan rangka kerja konsep yang akan digunakan sebagai asas untuk analisis kaedah atau method Perawatan Ruqyah. Rangka kerja model perawatan ruqyah yang terdiri daripada bacaan Ruqyah, Tiup, Tepuk, Minum dan Mandi. Faktor lain yang memberikan sumbangan utama bagi keberhasilan perawatan ruqyah juga dipengaruhi kepada persiapan diri perawat yang rapi dengan memperbanyakkan zikrullah yang didasari niat yang ikhlas semata-mata hanya kepada Allah yang membawa kepada Ketahanan dan kekuatan kepada perawat menjalankan ikhtiar dan mengharapkan kesembuhan dengan izin Allah. Sumber penyembuhan daripada langit (dawaa' Illaj) yang dipanggil Illaj samawi penyembuhan daripada langit yang berupa wahyu dan Hadis dan Penyembuhan bumi (Dawaa' Ardi) penyembuhan daripada bumi yang terdiri daripada bahan-bahan yang ada di bumi. Bacaan ruqyah merujuk kepada sebagai Unsur Samawi (unsur daripada langit) manakala air dan bahan-bahan tumbuhan yang ada di bumi adalah unsur bumi menjadikan konsep perawatan ruqyah yang lengkap. Air secara khusus bercampur dengan unsur Samawi(Langit) dan Ardi(Bumi) seperti dalam Surah Qaaf 50: ayat 9 di bawah.

وَنَزَّلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً مُبْرَكًا فَأَنْبَتْنَا بِهِ جَنَّاتٍ
وَحَبَّ الْحَصِيدِ ﴿٩﴾

Dan juga Kami telah menurunkan dari langit air (hujan) yang banyak faedahnya, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu pokok-pokok tanaman (buah-buahan) dan biji-bijian yang dituai; (Qaaf 50:9) |



Sumber: Ilustrasi berdasarkan pelbagai sumber dan isu semasa@Dr.MuhammadBinOmar(Oktober 2022)

Rajah 1: Kerangka Konsep model kaedah Perawatan Ruqyah.

Skop Perbincangan

Skop perbincangan analisis khusus hanya tertumpu kepada tiga (3) bahagian Kurikulum Unit Kompetensi (CoCU) yang telah dipilih mengikut kesesuaian penulis bagi tujuan perkongsian seperti berikut:

- Perawatan Penyakit Fizikal Berat NOSS (Q869-004-5:2017) Tahap 5
- Perawatan Gangguan Makhluk Halus NOSS (Q869-004-4:2017) Tahap 4
- Perawatan Penyakit Fizikal Lazim NOSS (Q869-004-3:2017) Tahap 3.

Hanya satu Unit Kompetensi (CoCU) yang dipilih mewakili setiap peringkat NOSS JPK sahaja dibincangkan dalam kajian ini.

Method Analisa

Kaedah Analisa dalam kajian ini ialah penelitian bahagian bahagian Kurikulum Unit Kompetensi (CoCU) pada setiap peringkat NOSS dan analisa secara descriptive tanpa menggunakan sebarang software Analisa data. Penulis telah membuat penelitian ke atas tiga (3) dokumen NOSS Bidang Perawatan iaitu NOSS Tahap 3, NOSS Tahap 4 dan NOSS Tahap 5 seperti di senaraikan dalam Jadual

1. Ruqyah Analisa dan pemerhatian ke atas. Ringkasan penemuan atau pemerhatian dicatatkan dalam ruangan Pemerhatian seperti dalam Jadual 2.

Penemuan/Pemerhatian Kajian

Merujuk kepada pemerhatian atau penemuan kajian boleh dirumuskan semua jenis penyakit yang dirawat oleh Perawat dalam bidang Perawatan Ruqyah menggunakan kaedah atau method Ruqyah Tiup Tepuk Minum dan Mandi RTTMM. Model Perawatan Ruqyah ini dapat digambarkan seperti dalam Gambarajah Model Perawatan Ruqyah bagi setiap Perawatan Penyakit.

SEKSYEN	(Q) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Dan Kerja Sosial		
KUMPULAN	(869) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Lain		
BIDANG	Perawatan Perunding Ruqyah		
TAJUK SKPK	Perawatan Ruqyah		
TAJUK UNIT KOMPETENSI	Perawatan Penyakit Fizikal Berat		
HASIL PEMBELAJARAN	Hasil daripada CU ini akan melahirkan individu yang boleh merawat penyakit-penyakit fizikal berat yang sukar diubati:- 1. Ruqyah Kes Ulangan 2. Ruqyah Kes Kecemasan 3. Ruqyah Masalah Zuriat 4. Ruqyah Penyakit Strok 5. Ruqyah Pesakit Koma 6. Ruqyah Kes Berprofil Tinggi		
PRA-SYARAT (jika ada)	TIADA		
UNIT KOMPETENSI ID	Q869-XXX-5:2017- C01	TAHAP SKPK	5

AKTIVITI KERJA	PEMERHATIAN ANALISA KAEDAH
1. Ruqyah Kes Ulangan	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk • Minum • Mandi
2. Ruqyah Kes Kecemasan	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk • Minum • Mandi
3. Ruqyah Masalah Zuriat	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan

	• Tepuk • Minum • Mandi
4. Ruqyah Penyakit Strok	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk
5. Ruqyah Pesakit Koma	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk • Minum • Mandi
6. Ruqyah Kes Berprofil Tinggi	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk • Minum • Mandi

SEKSYEN	(Q) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Dan Kerja Sosial
KUMPULAN	(869) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Lain
BIDANG	Perawatan Ruqyah
TAJUK SKPK	Perawatan Ruqyah
TAJUK UNIT KOMPETENSI	Perawatan Gangguan Makhluk Halus

HASIL PEMBELAJARAN	Hasil daripada CU ini akan melahirkan individu yang boleh meruqyah pesakit-pesakit yang menderita gangguan makhluk halus dengan kaedah yang tepat berdasarkan SOP. Selepas menyempurnakan Unit Kompetensi ini pelatih akan boleh:- 1. Ruqyah Penyakit Badi 2. Ruqyah Penyakit Histeria 3. Ruqyah Penyakit Kenan 4. Ruqyah Gangguan Saka 5. Ruqyah Gangguan Toyol 6. Ruqyah Gangguan Jin Secara Fizikal		
PRA-SYARAT (jika ada)	TIADA		
UNIT KOMPETENSI ID	Q869-004-4:2017-C06	TAHAP	4

AKTIVITI KERJA	PEMERHATIAN ANALISA KAEDAH
1. Ruqyah Penyakit Badi	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk • Minum • Mandi
2. Ruqyah Penyakit Histeria	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk • Minum • Mandi
3. Ruqyah Penyakit Kenan	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk • Minum • Mandi
4. Ruqyah Gangguan Saka	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk

	• Minum • Mandi
5. Ruqyah Gangguan Toyol	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk • Minum • Mandi
6. Ruqyah Gangguan Jin Secara Fizikal	• Bacaan Ruqyah
AKTIVITI KERJA	PEMERHATIAN ANALISA KAEDAH
	• Letak tangan • Tepuk • Minum • Mandi

SEKSYEN	(Q) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Dan Kerja Sosial
KUMPULAN	(869) Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Lain
BIDANG	Perawatan Ruqyah
TAJUK SKPK	Perawatan Ruqyah
TAJUK UNIT KOMPETENSI	Perawatan Penyakit Fizikal Lazim
HASIL PEMBELAJARAN	Hasil daripada CU ini akan melahirkan individu yang boleh meruqyah penyakit fizikal lazim dengan kaedah rawatan yang tepat dan disahkan. Selepas menyempurnakan Unit Kompetensi ini pelatih akan boleh:- 1. Ruqyah Penyakit Batu Karang 2. Ruqyah Penyakit Kencing Manis 3. Ruqyah Penyakit Darah Tinggi 4. Ruqyah Penyakit Sakit Kepala 5. Ruqyah Penyakit Sendi 6. Ruqyah Penyakit Sakit Perut 7. Ruqyah Penyakit Demam Panas 8. Ruqyah Penyakit Mata
PRA-SYARAT (jika ada)	TIADA

UNIT KOMPETENSI ID	Q869-004-3:2017- C01	TAHAP SKPK	3
-----------------------	----------------------	------------	---

AKTIVITI KERJA	PEMERHATIAN ANALISA KAEDAH
1.Ruqyah Penyakit Batu Karang	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk dengan • Minum • Mandi
2.Ruqyah Penyakit Kencing Manis	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk dengan • Minum • Mandi
AKTIVITI KERJA	PEMERHATIAN ANALISA KAEDAH
3.Ruqyah Penyakit Darah Tinggi	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk dengan • Minum • Mandi
4.Ruqyah Penyakit Sakit Kepala	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk dengan • Minum • Mandi
5.Ruqyah Penyakit Sendi	• Bacaan Ruqyah

	• Letak tangan • Tepuk dengan • Minum • Mandi
6.Ruqyah Penyakit Sakit Perut	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk dengan • Minum • Mandi
7.Ruqyah Penyakit Demam Panas	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk dengan • Minum • Mandi
8.Ruqyah Penyakit Mata	• Bacaan Ruqyah • Letak tangan • Tepuk dengan • Minum • Mandi

Justeru kajian ini mengesahkan bahawa method atau kaedah rawatan menggunakan kaedah Ruqyah, Tiup, Tepuk, Minum dan Mandi (RTTMM) ini lebih popular dan mula diterimapakai oleh kebanyakan perawat yang turut mematuhi keperluan minima Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Bidang Perawatan Ruqyah Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) serta pada masa yang sama juga telah mendapat perakuan atau pengiktirafan daripada Bahagian Pengubatan Tradisional dan Komplementari (BPT&K) Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM).

14. Kesimpulan

